

## **Persepsi Mahasiswa Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM Terhadap Tulisan Jawi**

## **Perception of Kulliyah of Languages and Management Students, IUM Towards Jawi Writing**

Aminnudin Saimon\* & Nur Hidayah Takmad

Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Hab Pendidikan Pagoh, Malaysia

Submitted: 25/12/2022. Revised edition: 13/4/2023. Accepted: 17/5/2023. Published online: 7/6/2023

### **ABSTRAK**

Penguasaan tulisan Jawi masyarakat khususnya golongan remaja pada masa kini boleh dilihat dalam keadaan yang amat membimbangkan. Sebahagian besar bangsa Melayu khususnya golongan remaja masih lagi tidak menguasai tulisan Jawi dengan baik. Kesannya telah mengakibatkan masih ramai individu yang menjadi buta Jawi akibat peminggiran dalam menjaga kepentingan pemeliharaan tulisan Jawi. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan persepsi mahasiswa mengenai tulisan Jawi. Objektif bagi kajian ini adalah mengenal pasti persepsi mahasiswa UIAM terhadap tulisan Jawi serta menghuraikan persepsi mahasiswa UIAM terhadap pemeliharaan tulisan Jawi. Kajian ini berbentuk kajian gabungan yang mana pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual seramai 3 orang responden beserta kaedah kuantitatif dengan menyebarkan borang soal selidik secara dalam talian seramai 50 responden yang berlatarbelakangkan pelajar Kulliyah Bahasa dan Pengurusan. Hasil dapatan mendapati bahawa kesemua pelajar masih menunjukkan minat dalam mengambil berat terhadap kepentingan tulisan Jawi. Kesemua soalan yang telah dijawab menunjukkan tahap yang tinggi dan boleh dipercayai apabila jumlah *Cronbach's Alpha* memiliki jumlah yang sangat baik. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kajian ini telah mencapai tahap yang memuaskan apabila segala persoalan dan objektif kajian dapat diselesaikan menerusi penghasilan kajian ini.

*Keywords:* Persepsi, Tulisan Jawi, Mahasiswa, Kajian Gabungan

### **ABSTRACT**

The mastery of Jawi writing in the community, especially among teenagers, can now be seen in a very worrying situation. Most Malays, especially teenagers, still do not know Jawi writing well. The effect has resulted in many individuals becoming Jawi blind due to marginalisation in maintaining the importance of preserving Jawi writing. Therefore, this study was conducted to obtain students' perceptions of Jawi writing. The objective of this study is to identify the perceptions of IUM students on Jawi writing and to describe the perceptions of IUM students on the preservation of Jawi writing. This study is a combined study in which the researcher uses qualitative methods by interviewing 3 respondents along with quantitative methods by distributing online questionnaires to 50 respondents with the background of Kulliyah Language and Management students. The results showed that all students still showed an interest in caring about the importance of Jawi writing. All the questions that have been answered show a high and reliable level when the Cronbach's Alpha number has a very good number. Therefore, it can be said that this study has reached a satisfactory level when all the questions and objectives of the study can be resolved through the production of this study.

*Keywords:* Jawi Writing, Perception, Students, Combined Studies

---

\*Correspondence to: Aminnudin Saimon (email: [deanamin@ium.edu.my](mailto:deanamin@ium.edu.my))

## PENGENALAN

Pemeriksaan terhadap tulisan Jawi dilihat sudah berlaku dan telah digunakan sejak zaman dahulu lagi. Hal ini kerana, tulisan Jawi telah dikaitkan dengan orang Melayu di seluruh Nusantara berikutan dengan kedatangan Islam melalui pedagang Arab, Cina dan India (Rasyidah Ibrahim *et al.*, 2019). Sehubungan dengan itu, tulisan Jawi turut telah menjadi medium yang penting dalam urusan pentadbiran. Bagi negara Malaysia itu sendiri, pada zaman sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi tulisan Jawi dilihat sudah terserlah kegemilangannya (Rasyidah Ibrahim *et al.*, 2019). Hal ini boleh dilihat pada penggunaan dua bahasa iaitu, tulisan Jawi dan tulisan rumi dalam menulis surat pengisytiharan kemerdekaan pada waktu itu.

Namun begitu, zaman kegemilangan tulisan Jawi serta pengaruhnya dalam kalangan bangsa Melayu akhirnya tumpas akibat pengisytiharan Akta 32 iaitu, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dalam fasal 9 yang telah menetapkan bahawa tulisan rumi merupakan tulisan bagi bahasa kebangsaan (Naquih Nahar *et al.*, 2018). Sehubungan dengan itu, perkara ini telah mengakibatkan penguasaan dalam membaca dan menulis Jawi dalam kalangan masyarakat berada dalam keadaan yang kritikal dan amat membimbangkan (Naquih Nahar *et al.*, 2018). Kedudukan tulisan Jawi turut dilihat diperlakukan seakan tidak terdapat nilai komersial dan nilai kesenian pada pandangan umum (Naquih Nahar *et al.*, 2018). Kesannya, tulisan Jawi kini dilihat semakin dipinggirkan sehingga mengakibatkan ramai dalam kalangan bangsa Melayu menjadi individu yang buta Jawi.

Naquih Nahar *et al.*, (2018) turut mengatakan bahawa sebahagian besar bangsa Melayu yang tidak menguasai tulisan Jawi adalah daripada golongan generasi muda. Sehubungan dengan itu, semua lapisan masyarakat terutamanya golongan remaja yang bakal menjadi peneraju mestilah menyedari kedudukan dan kepentingan tulisan Jawi di negara Malaysia. Hal ini lebih menyedihkan apabila seni warisan budaya bangsa orang Melayu suatu ketika dahulu pernah berada dipuncak namun kini tidak lagi mendapat hati dalam kalangan masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat persepsi mahasiswa terhadap tulisan Jawi serta kepentingan dalam memeliharanya.

## OBJEKTIF KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menyenaraikan dua objektif kajian iaitu,

1. mengenal pasti persepsi mahasiswa UIAM terhadap pemeliharaan tulisan Jawi
2. menghuraikan persepsi mahasiswa UIAM terhadap pemeliharaan tulisan Jawi

## PERSOALAN KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menyenaraikan dua persoalan kajian iaitu,

1. Apakah persepsi mahasiswa UIAM terhadap tulisan Jawi?
2. Bagaimanakah persepsi mahasiswa UIAM terhadap tulisan Jawi dihuraikan?

## PERNYATAAN MASALAH

Pada dewasa ini, tulisan Jawi dilihat semakin kurang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat terutamanya bagi generasi baru. Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin dan Wan Noorli Razali (2017) mengatakan bahawa tulisan Jawi telah dipandang rendah oleh segelintir masyarakat Malaysia. Hal ini telah menyebabkan pelajaran bagi tulisan Jawi merupakan antara pelajaran yang kurang diminati oleh pelajar sekolah. Tambahan lagi, tulisan Jawi dilihat semakin dipinggirkan apabila kewujudan tulisan rumi yang telah menggantikan kedudukan tulisan Jawi. Tulisan rumi turut dilihat telah mengambil alih peranan besar yang dimainkan oleh tulisan Jawi dalam semua aspek sehingga dilupakan (Mohd Eezan Hamdzah & Shahlan Surat, 2021). Jika perkara ini semakin berterusan, dikhawatiri akan tulisan Jawi itu semakin dilupakan oleh generasi dari masa ke masa. Hal ini seharusnya dibendung daripada terus berlaku kerana tulisan Jawi itu merupakan lambang yang mencerminkan identiti bagi bangsa Melayu itu sendiri.

Selain itu, pengkaji turut ingin mengkaji persepsi tulisan Jawi daripada kalangan mahasiswa yang berlatarbelakangkan universiti Islamik. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan kajian lepas yang telah ditemui oleh pengkaji hanya melihat persepsi mahasiswa serta masyarakat secara umum. Sebagai contoh, pengkaji telah menemui sebuah sorotan kajian yang mengkaji mengenai persepsi mahasiswa di UNITEN iaitu, kajian daripada Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019) yang bertajuk 'Persepsi Pelajar Melayu UNITEN terhadap Pembelajaran Tulisan Jawi di Pelbagai Peringkat Pendidikan di Malaysia'. Tambahan lagi, kebanyakan kajian lepas hanya melakukan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data. Justeru, pengkaji ingin melihat persepsi mahasiswa yang berlatar belakangkan universiti Islamik terhadap tulisan Jawi dengan menggunakan dua pendekatan kajian agar data yang diperolehi lebih baik, jelas dan jitu.

Tambahan lagi, kedudukan bagi tulisan Jawi di negara Malaysia itu sendiri berada dalam tahap yang amat membimbangkan terutamanya dalam kalangan generasi muda yang ada pada masa kini (Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin dan Wan Noorli Razali, 2017). Selain itu, kedudukan tulisan Jawi turut dilihat seakan tidak terdapatnya nilai komersial dan nilai kesenian pada pandangan umum (Naquih Nahar *et al.*, 2018). Kesannya, tulisan Jawi kini dilihat semakin dipinggirkan sehingga mengakibatkan ramai dalam kalangan bangsa Melayu menjadi individu yang buta Jawi. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauhmana mahasiswa di UIAM, Pagoh masih mementingkan kewujudan tulisan Jawi di negara Malaysia.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian yang dilakukan di negara Indonesia iaitu, kajian daripada Nor Fadzillah Md. Yusof *et al.*, (2021) yang bertajuk Penerimaan Jawi: Hubungan di antara Faktor Demografi dan Tahap Penerimaan Jawi. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk melihat penerimaan Jawi beserta hubungannya di antara demografi dan tahap penerimaan. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini menerusi borang soal selidik. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pelajar golongan Ijazah Sarjana seramai 8 orang dan golongan pekerja swasta seramai 14 orang serta golongan yang berpendapatan RM2501.00-RM4850.00 seramai 13 orang menerima tulisan Jawi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa faktor demografi tidak mempengaruhi penerimaan Jawi.

Kajian daripada Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019) yang bertajuk Persepsi Pelajar Melayu UNITEN terhadap Pembelajaran Tulisan Jawi di Pelbagai Peringkat Pendidikan di Malaysia. Menerusi kajian ini, pelajar-pelajar bagi sekolah rendah menganggap bahawa tulisan Jawi

merupakan mata pelajaran yang sukar untuk dipelajari sehingga mereka kehilangan minat untuk lebih mempelajarinya. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar Melayu di UNITEN terhadap usaha-usaha dalam meluaskan lagi pembelajaran Jawi di Malaysia. Kaedah kuantitatif telah digunakan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 100 pelajar Melayu di UNITEN. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden mempercayai bahawa mata pelajaran tulisan Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat persekolahan. Kesimpulannya, maklum balas yang positif turut diterima daripada responden melalui penyelidikan ini terhadap inisiatif yang telah dicadangkan untuk memperkenalkan tulisan Jawi dengan lebih meluas.

Kajian daripada Noraziah Mohd Amin *et al.* (2018) yang bertajuk *Pemeliharaan Tulisan Jawi dan Penggunaan Tulisan Jawi di Media: Kajian Persepsi Pelajar Melayu di UNITEN*. Berdasarkan kajian ini, penyelidik mengatakan bahawa antara cabaran baru bagi tulisan Jawi ialah penggunaannya yang semakin terhad di media. Hal ini disebabkan oleh pengaruh era globalisasi yang telah mewujudkan satu keadaan yang membimbangkan tentang tahap penggunaan tulisan Jawi di media massa. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menilai persepsi pelajar Melayu di UNITEN perihal usaha memelihara tulisan Jawi dan penggunaannya di media. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kuantitatif yang mana borang soal selidik akan digunakan untuk mendapatkan data seterusnya akan dianalisis menggunakan SPSS. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat bahawa tulisan Jawi mestilah mendapatkan kedudukan yang baik di media massa. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan telah dilakukan seperti peranan pihak berkuasa tempatan perlu cakna hal ini dalam mewajibkan penggunaan tulisan Jawi di papan tanda dan iklan. Kesimpulannya, maklum balas yang positif telah diterima daripada responden kajian selaku generasi muda terhadap pemeliharaan tulisan Jawi di media sebagai medium yang penting.

Kajian daripada Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin dan Wan Noorli Razali (2017) yang bertajuk *Persepsi Pelajar Melayu UNITEN berkaitan Kemahiran Menggunakan Tulisan Jawi sebagai lambang Identiti Bangsa Melayu dan Tulisan Jawi sebagai lambang Identiti Bangsa Melayu Beragama Islam*. Berdasarkan kajian ini, penyelidik mengatakan bahawa kedudukan tulisan Jawi dalam kalangan remaja kini berada tahap yang membimbangkan. Objektif bagi kajian ini ialah mengenal pasti persepsi pelajar Melayu di UNITEN berkaitan kemahiran dan kepentingan dalam menggunakan tulisan Jawi sebagai salah satu lambang identiti bangsa Melayu. Kaedah kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan data yang kemudiannya dianalisis menggunakan SPSS. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar Melayu UNITEN yang terlibat dalam kajian ini bersetuju bahawa kemahiran menggunakan tulisan Jawi merupakan antara salah satu lambang identiti bagi bangsa Melayu di Malaysia. Kesimpulannya, menerusi kajian ini, penyelidik masih mendapati bahawa pelajar UNITEN mempunyai pendapat bahawa keupayaan seseorang dalam menguasai tulisan Jawi seperti mampu menulis dan membaca berkait rapat dengan identiti mereka sebagai bangsa Melayu.

## **METODOLOGI**

Mohamad Nasir Noor Azemy dan Rosmawati Mohamad Rasit (2019), mengatakan bahawa reka bentuk yang kukuh diperlukan dalam melakukan sesuatu kajian agar persoalan kajian dapat dijawab menerusi maklumat-maklumat yang didapati dan boleh digunakan dalam kajian. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini merupakan kajian gabungan yang menggunakan pendekatan kuantitatif yang merupakan reka bentuk kajian tinjauan melalui teknik soal selidik sebagai medium pengumpulan data beserta pendekatan kualitatif bagi menguatkan lagi dapatan kajian pengkaji. Menerusi data kuantitatif yang diperolehi,

pengkaji akan menganalisis data menggunakan perisian SPSS terhadap kebolehpercayaan berdasarkan pernyataan yang telah dikemukakan oleh responden. pengkaji menggunakan tiga kaedah bagi mendapatkan data kajian, iaitu kaedah kepustakaan, teknik borang soal selidik secara dalam talian beserta teknik temu bual responden bagi menguatkan lagi data kajian. Responden bagi kajian ini adalah sebanyak 50 orang pelajar yang telah dipilih secara rawak dari empat jurusan di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan iaitu, jurusan *Malay Language for Communication* (MLCOM), *English Language for Communication* (ENCOM), *Arabic Language for Communication* (ARCOM) dan *Tourism Management* (TMGT).


Pengkaji menetapkan satu instrumen kajian untuk mengumpul data bagi kajian kuantitatif iaitu, borang soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin dan Wan Noorli Razali (2017), Noraziah Mohd Amin *et al.*, (2018) dan kajian daripada Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019) sebelum diedarkan secara dalam talian kepada responden menerusi pelantar Google Form dan soalan yang disediakan sepenuhnya dalam bahasa Melayu. Proses temu bual akan dijalankan kepada empat orang responden terpilih yang telah menjawab soalan menerusi borang soal selidik. Empat orang responden tersebut terdiri daripada pelajar UIAM, kampus Pagoh yang mewakili kos ARCOM, TMGT, ENCOM dan juga MLCOM.

## **DAPATAN KAJIAN**

Menerusi bab ini, kaedah soal selidik secara dalam talian telah digunakan bagi mendapatkan data. Terdapat seramai 50 orang responden yang terdiri dari pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh yang telah menjawab soal selidik secara dalam talian melalui platform *Google Form*. Seterusnya, segala data yang diperolehi akan dianalisis oleh pengkaji menggunakan kaedah *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS), iaitu statistik deskriptif. Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik ini, iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A ialah soalan berkenaan demografi responden, manakala Bahagian B dan C merupakan soalan-soalan yang mampu menjelaskan objektif kajian pengkaji iaitu, mengenal pasti serta menghuraikan persepsi mahasiswa UIAM terhadap pemeliharaan tulisan Jawi.


### **Demografi Responden**

Menerusi bahagian ini, latar belakang responden telah dianalisis seperti maklumat bagi jantina, umur, bangsa, jurusan dan tahun pengajian responden. Oleh yang demikian, hasil analisis ini akan ditunjukkan dalam bentuk jadual dan carta pai seperti berikut.




**Carta Pai 1** Jantina Responden

Carta Pai 1 menunjukkan demografi jantina responden yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Berdasarkan Carta Pai 1, jelas menunjukkan bahawa jumlah bagi responden perempuan melebihi responden lelaki, iaitu seramai 29 orang bersamaan 58%. Bagi responden lelaki pula mencatatkan seramai 21 orang bersamaan 42%.



**Carta Pai 2** Umur Responden

Carta Pai 2 menunjukkan demografi umur responden yang terdiri daripada umur 20 hingga 26 tahun. Bilangan umur responden yang tertinggi ialah dalam kalangan umur 21 tahun, iaitu sebanyak 13 responden bersamaan 26%. Seterusnya, responden yang berumur 23 tahun menduduki tempat kedua tertinggi iaitu, sebanyak 11 responden bersamaan 22% diikuti dengan umur 22 dan 24 tahun yang mana masing-masing mencatatkan jumlah yang sama sebanyak 8 responden bersamaan 16%. Bagi umur responden yang berusia 24 tahun pula mencatatkan sebanyak 5 responden bersamaan 10% dan diikuti dengan umur 25 tahun sebanyak 4 orang bersamaan 8%. Bagi bilangan umur responden yang paling rendah ialah 26 tahun yang memaparkan hanya seorang responden bersamaan 2%.




**Carta Pai 3** Program Responden

Carta Pai 3 menunjukkan jurusan responden yang terdiri daripada 4 program dan program MLCOM mencatatkan jumlah paling tinggi, iaitu sebanyak 15 responden bersamaan 30%. Seterusnya, program ENCOM dan ARCOM menunjukkan bilangan yang sama iaitu, sebanyak 14 responden bersamaan 28%. Program TMGT pula mencatatkan jumlah paling rendah, iaitu sebanyak 7 responden bersamaan 14%.

### **Persepsi Mahasiswa Kulliyah Bahasa dan Pengurusan terhadap Tulisan Jawi**

Menerusi bahagian ini, seramai 50 responden telah melengkapkan jawapan menerusi soal selidik secara dalam talian. Sebanyak 20 jawapan telah dilengkapkan mengikut bahagian-bahagian soalan. Bahagian B dan C masing-masing mengandungi 10 soalan setiap bahagian. Menerusi soalan tersebut, responden dikehendaki menjawab soalan mengikut skala yang disediakan (1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju). Oleh itu, hasil analisis ini akan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan carta bar seperti berikut.

**ITEM 1:** Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya oleh semua lapisan masyarakat



**Carta Bar 1** Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya oleh semua lapisan masyarakat

**Jadual 1** Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya oleh semua lapisan masyarakat

		Frequency	Percent	Valid percent	Cumulative percent
Valid	Tidak pasti	1	2.0	2.0	2.0
	Setuju	4	8.0	8.0	10.0
	Sangat setuju	45	90.0	90.0	100.0
	<b>Total</b>	50	100	100	

Carta Bar 1 dan Jadual 1 menunjukkan ITEM 1, iaitu Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya oleh semua lapisan masyarakat. Menerusi paparan Carta Bar 1 dan Jadual 1, jawapan bagi ‘sangat setuju’ mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu, sebanyak 45 responden bersamaan 90%, manakala bagi ‘tidak setuju’ dan ‘sangat setuju’ mencatatkan jumlah paling rendah, iaitu kosong responden. Seterusnya, ‘setuju’ mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu, sebanyak 4 responden bersamaan 8% diikuti dengan ‘tidak pasti’ sebanyak seorang responden bersamaan 2%.

**ITEM 2:** Pengetahuan akan tulisan Jawi harus diwariskan dari generasi ke generasi yang akan datang.

**Jadual 2** Pengetahuan akan tulisan Jawi harus diwariskan dari generasi ke generasi yang akan datang

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak pasti	1	2.0	2.0	2.0
	Setuju	7	14.0	14.0	16.0
	Sangat setuju	42	84.0	84.0	100.0
	<b>Total</b>	50	100.0	100.0	



Jadual 2 menunjukkan ITEM 2, iaitu Pengetahuan akan tulisan Jawi harus diwariskan dari generasi ke generasi yang akan datang. Menerusi paparan Jadual 2 di atas, 'sangat setuju' mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu, sebanyak 42 responden bersamaan 84%, manakala bagi 'tidak setuju' dan 'sangat setuju' mencatatkan jumlah paling rendah kerana tidak mempunyai responden. Seterusnya, 'setuju' mencatatkan sebanyak 7 responden bersamaan 14% diikuti dengan 'tidak pasti' sebanyak seorang responden bersamaan 2%.

Noraziah Mohd Amin *et al.* (2018) mengatakan bahawa sebilangan responden yang memilih untuk tidak bersetuju terhadap pernyataan ini adalah disebabkan oleh rasa kurang yakin terhadap keupayaan diri untuk mewariskan tulisan Jawi ke generasi yang akan datang berikutan dengan kekurangan pendedahan tulisan Jawi di media. Justeru, tidak hairanlah jika ada responden yang tidak menjawab kepada skala likert yang diberikan.

**ITEM 4:** Tulisan Jawi Mestilah Diperkembangkan Seiring dengan Tulisan Rumi dalam Penggunaan Bahasa Melayu Masyarakat.

**Jadual 3** Tulisan Jawi mestilah diperkembangkan seiring dengan tulisan Rumi dalam penggunaan Bahasa Melayu masyarakat

		Frequency	Percent	Valid percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Tidak Setuju	1	2.0	2.0	2.0
	Tidak Setuju	2	4.0	4.0	6.0
	Tidak Pasti	3	6.0	6.0	12.0
	Setuju	12	24.0	24.0	36.0
	Sangat Setuju	32	64.0	64.0	100.0
	<b>Total</b>	50	100.0	100.0	

Jadual 3 menunjukkan ITEM 4, iaitu Tulisan Jawi mestilah diperkembangkan seiring dengan tulisan Rumi dalam penggunaan Bahasa Melayu masyarakat. Berdasarkan Jadual 3, skala likert 'sangat setuju' mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 32 responden bersamaan 64%. Skala likert 'sangat tidak setuju' mencatatkan jumlah yang paling rendah, iaitu sebanyak seorang responden bersamaan 2%. Skala likert bagi 'setuju' mencatatkan jumlah kedua paling tinggi, iaitu sebanyak 12 responden bersamaan 24% diikuti dengan 'tidak pasti' sebanyak 3 responden bersamaan 6% dan 'tidak setuju' sebanyak 2 responden bersamaan 4%.

Menerusi satu temu bual yang telah dilakukan bersama seorang pelajar TMGT tahun keempat, responden berpendapat bahawa sesetengah responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini adalah disebabkan masyarakat tidak mengetahui kepentingan ataupun keperluan tulisan Jawi ini untuk digunakan pada masa sekarang seperti dalam urusan rasmi. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa faktor masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan tidak semua masyarakat memahami tulisan Jawi jika digunakan seiring dengan tulisan rumi.

**ITEM 5:** Kebolehan mampu membaca dan menulis dalam tulisan Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jati diri saya sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam.

**Jadual 4** Kebolehan mampu membaca dan menulis dalam tulisan Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jati diri saya sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Tidak Setuju	1	2.0	2.0	2.0
	Tidak Setuju	2	4.0	4.0	6.0
	Tidak Pasti	3	6.0	6.0	12.0
	Setuju	17	34.0	34.0	46.0
	Sangat Setuju	27	54.0	54.0	100.0
	<b>Total</b>	<b>50</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Jadual 4 menunjukkan ITEM 5, iaitu Kebolehan mampu membaca dan menulis dalam tulisan Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jati diri saya sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam. Berdasarkan Jadual 4 di atas, skala likert 'sangat setuju' mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 27 responden bersamaan 54%. Skala likert 'sangat tidak setuju' mencatatkan jumlah yang paling rendah, iaitu sebanyak seorang responden bersamaan 2%. Jawapan bagi 'setuju' mencatatkan jumlah kedua paling tinggi iaitu, sebanyak 17 responden bersamaan 34% diikuti dengan 'tidak pasti' sebanyak 3 responden bersamaan 6% dan 'tidak setuju' sebanyak 2 responden bersamaan 4%.

Menerusi temu bual yang dijalankan bersama seorang pelajar ARCOM tahun pertama, responden mengatakan bahawa mempelajari tulisan Jawi bukan hanya untuk bangsa Melayu dan yang beragama Islam, tetapi untuk semua bangsa dan agama. Walaupun tulisan ini dipengaruhi oleh bahasa Melayu dan Islam, tetapi semua masyarakat Malaysia patut mempelajarinya. Oleh itu, respon daripada responden ini boleh dijadikan justifikasi bagi responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan berikut.

Menerusi satu temu bual yang lain bersama seorang pelajar TMGT tahun keempat, responden berpendapat bahawa tidak semua orang mempunyai peluang untuk mempelajari tulisan Jawi dan tidak semua orang mampu menguasai tulisan Jawi (buta jawi). Hal ini juga berlaku kepada responden apabila responden menyatakan bahawa responden sedang berusaha dalam memahami tulisan Jawi. Oleh itu, responden turut kurang bersetuju dengan pendapat ini.

**ITEM 6:** Kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah penting bagi masyarakat Melayu sebagai lambang identiti mereka.

**Jadual 5** Kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah penting bagi masyarakat Melayu sebagai lambang identiti mereka

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	2	4.0	4.0	4.0
	Tidak Pasti	3	6.0	6.0	10.0
	Setuju	6	12.0	12.0	22.0
	Sangat Setuju	39	78.0	78.0	100.0
	<b>Total</b>	<b>50</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Jadual 5 menunjukkan ITEM 6, iaitu Kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah penting bagi masyarakat Melayu sebagai lambang identiti mereka. Berdasarkan Jadual 5, jelas menunjukkan bahawa skala likert 'sangat setuju' memiliki kekerapan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 39 responden bersamaan 78%, manakala bagi kekerapan yang paling rendah adalah pada skala likert 'sangat tidak setuju' yang

menunjukkan tiada responden menjawab pada bahagian ini. Seterusnya, skala likert 'setuju' menunjukkan kekerapan sebanyak 6 responden bersamaan 12% diikuti 'tidak pasti' sebanyak 3 responden bersamaan 6% dan 'tidak setuju' sebanyak 2 responden bersamaan 4%.

Menerusi temu bual yang dijalankan bersama seorang pelajar TMGT tahun keempat, responden berpendapat bahawa sebilangan responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini disebabkan responden tersebut beranggapan tidak semestinya menggunakan tulisan Jawi sahaja dapat melambangkan identiti masyarakat, selain tulisan Jawi, masyarakat juga boleh mempamerkannya melalui pakaian, makanan, gaya hidup dan lain-lain untuk menggambarkan identiti bangsa Melayu itu sendiri.

Menerusi temu bual bersama seorang responden daripada program MLCOM tahun keempat, responden berpendapat bahawa responden juga kurang bersetuju kerana identiti seseorang tidak boleh diukur berdasarkan kemahiran bertulis semata-mata, tetapi perlu dilihat daripada keaslian individu tersebut.

**ITEM 7:** Saya berpendapat bahawa tulisan Jawi mempunyai bentuk tulisan dan bentuk yang menarik dan berseni yang perlu kita pertahankan.

**Jadual 6** Saya berpendapat bahawa tulisan Jawi mempunyai bentuk tulisan dan bentuk yang menarik dan berseni yang perlu kita pertahankan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Pasti	1	2.0	2.0	2.0
	Setuju	7	14.0	14.0	16.0
	Sangat Setuju	42	84.0	84.0	100.0
	<b>Total</b>	50	100.0	100.0	

Jadual 6 menunjukkan ITEM 7, iaitu Saya berpendapat bahawa tulisan Jawi mempunyai bentuk tulisan dan bentuk yang menarik dan berseni yang perlu kita pertahankan. Berdasarkan Jadual 6 di atas, skala likert 'sangat setuju' mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu, sebanyak 42 responden bersamaan 84%. Skala likert 'sangat tidak setuju' dan 'tidak setuju' mencatatkan jumlah yang paling rendah, iaitu tidak memiliki sebarang responden. Jawapan bagi skala likert 'setuju' mencatatkan jumlah kedua paling tinggi, iaitu sebanyak 7 responden bersamaan 14% diikuti dengan 'tidak pasti' sebanyak seorang responden bersamaan 2%.

**ITEM 8:** Sebagai orang Melayu, saya bangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu saya bahawa tulisan Jawi adalah salah satu identiti bagi bangsa Melayu.

**Jadual 7** Sebagai orang Melayu, saya bangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu saya bahawa tulisan Jawi adalah salah satu identiti bagi bangsa Melayu

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	1	2.0	2.0	2.0
	Tidak Pasti	2	4.0	4.0	6.0
	Setuju	9	18.0	18.0	24.0
	Sangat Setuju	38	76.0	76.0	100.0
	<b>Total</b>	50	100.0	100.0	

Jadual 7 menunjukkan ITEM 8 iaitu, Sebagai orang Melayu, saya bangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu saya bahawa tulisan Jawi adalah salah satu identiti bagi bangsa Melayu. Berdasarkan Jadual 7 di atas, skala likert ‘sangat setuju’ menunjukkan kekerapan yang paling tinggi sebanyak 38 responden bersamaan 76%, manakala bagi kekerapan yang paling rendah pula ialah ‘sangat tidak setuju’, iaitu tidak mempunyai sebarang responden. Seterusnya, ‘setuju’ mencatatkan seramai 9 responden bersamaan 18% diikuti dengan ‘tidak pasti’ seramai 2 responden bersamaan 4% dan ‘tidak setuju’ seramai seorang responden bersamaan 2%.

Menerusi temu bual yang telah dilakukan bersama seorang pelajar TMGT tahun keempat, responden berpendapat bahawa sesetengah responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini disebabkan kurangnya penghayatan tentang tulisan Jawi. Bagi responden tersebut, tulisan Jawi ini hanya sekadar warisan yang telah lama yang hanya cukup perlu diketahui tanpa diamalkan.

Temu bual yang dijalankan bersama seorang pelajar program MLCOM tahun keempat berpendapat bahawa kemungkinan masyarakat yang kurang setuju beranggapan bahawa apabila seseorang memperkenalkan kepada kaum bukan Melayu terhadap tulisan Jawi, kerisauan akan timbul atau salah faham apabila seorang Melayu memberitahu agama lain mengenai kelebihan yang ada dan dikhuatiri akan menyebabkan perselisihan.

### Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Tests*)

Menerusi kajian ini, ujian kebolehpercayaan turut dijalankan bagi memastikan kesahan soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik adalah sahih agar boleh digunakan untuk menjalankan kajian. Berikut merupakan hasil daripada ujian kebolehpercayaan atau dikenali sebagai *reliability test*.

### Bahagian B

Dalam bahagian B ini, setiap soalan yang dikemukakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan jawapan daripada responden. Perhatikan Jadual 8 yang memaparkan nilai kebolehpercayaan setiap item yang dikemukakan dalam Bahagian B.

**Jadual 8** Ujian Kebolehpercayaan Keseluruhan Soalan Bahagian B Soal Selidik

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.844	.866	10

Perhatikan pula Jadual 9 yang memaparkan item-item yang ditanya dan kebolehpercayaan bagi setiap item.

**Jadual 9** Ujian Kebolehpercayaan Soalan-soalan Bahagian B Soal Selidik

<b>Items – Total Statistics</b>	<b>Scale Mean if Item Deleted</b>	<b>Scale Variance if Item Deleted</b>	<b>Corrected Item-Total Correlation</b>	<b>Squared Multiple Correlation</b>	<b>Cronbach's Alpha if Item Deleted</b>
<b>B1</b> Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya oleh semua lapisan masyarakat.	41.10	23.194	.578	.612	.835
<b>B2</b> Pengetahuan akan tulisan Jawi harus diwariskan dari generasi ke generasi yang akan datang.	41.16	22.953	.559	.583	.834
<b>B3</b> Tulisan Jawi yang digunakan sebagai medium komunikasi pada masa dahulu perlu dihayati oleh generasi muda pada masa kini.	41.36	21.092	.581	.496	.826
<b>B4</b> Tulisan Jawi mestilah diperkembangkan seiring dengan tulisan Rumi dalam penggunaan Bahasa Melayu masyarakat	41.54	20.172	.534	.584	.831
<b>B5</b> Kebolehan mampu membaca dan menulis dalam tulisan Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jati diri saya sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam.	41.64	20.153	.546	.469	.829
<b>B6</b> Kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah penting bagi masyarakat Melayu sebagai lambang identiti mereka.	41.34	20.474	.628	.633	.821
<b>B7</b> Saya berpendapat bahawa tulisan Jawi mempunyai bentuk tulisan dan bentuk yang menarik dan berseni yang perlu kita pertahankan.	41.16	23.892	.329	.284	.845
<b>B8</b> Sebagai orang Melayu, saya bangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu saya bahawa tulisan Jawi adalah					

Items – Total Statistics	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Squared Multiple Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
salah satu identiti bagi bangsa Melayu.	41.30	20.827	.711	.656	.817
<b>B9</b> Generasi muda mestilah mempunyai rasa tanggungjawab dalam memperkenalkan tulisan Jawi kepada semua lapisan masyarakat.	41.40	19.102	.752	.699	.807
<b>B10</b> Saya berpendapat bahawa jika orang Melayu tidak mempunyai kemahiran dalam menulis dan membaca tulisan Jawi, dia boleh dianggap telah hilang salah satu identiti bangsa Melayunya.	41.82	18.191	.526	.565	.845

### Bahagian C

Dalam bahagian ini, ujian kebolehpercayaan bagi item-item bahagian C diuji berdasarkan Cronbach Alpha. Perhatikan Jadual 10 dalam memaparkan kebolehpercayaan bagi soalan bahagian C.

**Jadual 10** Ujian Kebolehpercayaan Keseluruhan Soalan Bahagian C Soal Selidik

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.884	.884	10

**Jadual 11** Ujian Kebolehpercayaan Soalan-soalan Bahagian C Soal Selidik

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Squared Multiple Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
C1 Pihak berkuasa seperti agensi kerajaan mestilah mengambil Langkah dalam memelihara tulisan Jawi sebagai salah satu warisan bangsa Melayu.	40.56	30.700	.438	.576	.884
C2 Penggunaan tulisan Jawi di media haruslah diperbanyakkan agar					

	<b>Scale Mean if Item Deleted</b>	<b>Scale Variance if Item Deleted</b>	<b>Corrected Item-Total Correlation</b>	<b>Squared Multiple Correlation</b>	<b>Cronbach's Alpha if Item Deleted</b>
masyarakat terdedah akan kepentingan memelihara tulisan Jawi.	40.72	26.736	.724	.801	.864
C3 Saya berpendapat bahawa bahan bacaan yang banyak di pasaran mengenai tulisan Jawi mampu membantu masyarakat menggunakan tulisan Jawi.	40.90	24.663	.812	.801	.856
C4 Program secara dalam talian merupakan antara langkah yang boleh membantu masyarakat dalam memelihara tulisan Jawi.	40.96	26.039	.679	.674	.868
C5 Pendidikan tulisan Jawi hendaklah dibuka kepada semua bangsa dan agama pelajar agar dapat bersifat lebih sejagat dan universal.	40.76	27.533	.757	.787	.864
C6 Pembelajaran berkaitan tulisan Jawi mestilah disamaratakan dengan pembelajaran tulisan Rumi.	41.00	28.082	.492	.441	.883
C7 Kementerian Pelajaran perlu menyediakan pelan jangka panjang yang lengkap berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan di Malaysia.	40.66	29.943	.556	.504	.878
C8 Mata pelajaran Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat pembelajaran seperti peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, supaya pembelajaran Jawi lebih komprehensif.	40.94	25.813	.703	.671	.866
C9 Semua lapisan masyarakat mestilah bersama-sama mempromosikan tulisan Jawi di media sosial agar masyarakat cakna akan tulisan Jawi.	40.76	29.696	.480	.513	.881

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Squared Multiple Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
C10 Pelbagai program berkaitan tulisan Jawi perlu diadakan di semua IPTA agar generasi muda tidak alpa akan kepentingan pemeliharaan tulisan Jawi.	40.80	28.612	.549	.698	.877

Jadual 10 menunjukkan ujian kebolehpercayaan bagi soal selidik bahagian B, manakala bagi Jadual 11 menunjukkan ujian kebolehpercayaan bagi soal selidik bahagian C. Berdasarkan ujian yang dilakukan dengan melihat nilai *Cronbach's Alpha*, pengkaji mendapati bahawa keseluruhan soalan berada pada tahap yang boleh diterima dan dipercayai. Tambahan lagi, kebolehpercayaan instrumen adalah pada tahap yang sangat baik. Zaenal Arifin (2017) mengatakan bahawa jika nilai *Cronbach's Alpha* 0.60 dan kurang daripada 1, maka instrumen itu mempunyai korelasi adalah tinggi atau boleh dipercayai, manakala jika nilai *Cronbach's Alpha* adalah di bawah 0.50, maka instrumen berkorelasi rendah atau tidak boleh dipercayai.

Oleh yang demikian, berdasarkan hasil ujian kebolehpercayaan ini, pengkaji tidak perlu membuang soalan-soalan yang ada untuk mencapai tahap *Cronbach's Alpha* yang memuaskan. Sehubungan itu, pengkaji telah melakukan ujian kebolehpercayaan dengan tepat, iaitu dengan memastikan instrumen kajian adalah kukuh serta mencapai nilai *Cronbach's Alpha* yang tepat.

### Analisis Statistik Deskriptif

Analisis statistik deskriptif ialah statistik yang digunakan untuk menganalisis data dengan cara menggambarkan data yang telah dikumpul. Menurut Leni Masnidar Nasution (2017), statistik deskriptif ialah statistik yang menggunakan data dalam kumpulan untuk menerangkan atau membuat kesimpulan tentang kumpulan itu sahaja. Antaranya saiz lokasi menerusi mod, min, dan median. Kedua, ukuran kebolehubahan menerusi varians, sisihan piawai dan julat. Ketiga, saiz borang menerusi kecondongan, kurtosis dan plot kotak. Justeru, analisis ini penting untuk menggambarkan data dengan lebih jelas serta mudah difahami mengenai penelitian terhadap pemboleh ubah yang digunakan. Berikut merupakan hasil penelitian analisis statistik deskriptif bagi dapatan kajian pengkaji.

### Bahagian B

**Jadual 12** Statistik Deskriptif bagi Bahagian B

	Mean	Std. Deviation	N
B1 Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya oleh semua lapisan masyarakat.	4.88	.385	50
B2 Pengetahuan akan tulisan Jawi harus diwariskan dari generasi ke generasi yang akan datang.	4.82	.438	50
B3 Tulisan Jawi yang digunakan sebagai medium komunikasi pada masa	4.62	.725	50



	Mean	Std. Deviation	N
dahulu perlu dihayati oleh generasi muda pada masa kini.			
B4 Tulisan Jawi mestilah diperkembangkan seiring dengan tulisan Rumi dalam penggunaan Bahasa Melayu masyarakat	4.44	.929	50
B5 Kebolehan mampu membaca dan menulis dalam tulisan Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jati diri saya sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam.	4.34	.917	50
B6 Kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah penting bagi masyarakat Melayu sebagai lambang identiti mereka.	4.64	.776	50
B7 Saya berpendapat bahawa tulisan Jawi mempunyai bentuk tulisan dan bentuk yang menarik dan berseni yang perlu kita pertahankan.	4.82	.438	50
B8 Sebagai orang Melayu, saya bangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu saya bahawa tulisan Jawi adalah salah satu identiti bagi bangsa Melayu.	4.68	.653	50
B9 Generasi muda mestilah mempunyai rasa tanggungjawab dalam memperkenalkan tulisan Jawi kepada semua lapisan masyarakat.	4.58	.859	50
B10 Saya berpendapat bahawa jika orang Melayu tidak mempunyai kemahiran dalam menulis dan membaca tulisan Jawi, dia boleh dianggap telah hilang salah satu identiti bangsa Melayunya.	4.16	1.267	50

Jadual 12 menunjukkan statistik deskriptif bagi bahagian B. Menerusi Jadual 12, jelas menunjukkan bahawa skor min yang tertinggi dicatatkan sebanyak 4.88 menerusi pernyataan 'Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya oleh semua lapisan masyarakat'. Hal ini boleh dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Mohd Amin, Abdul Rahman, Razali, & Abdul Wahab (2018) yang merupakan soalan sebenar dan pengkaji mengadaptasi soalan-soalan tersebut ke dalam konteks kajian ini. Ada beberapa soalan yang diubah suai berlandaskan objektif kajian ini.

Bagi skor min yang paling rendah pula dicatatkan sebanyak 4.16 menerusi pernyataan 'Saya berpendapat bahawa jika orang Melayu tidak mempunyai kemahiran dalam menulis dan membaca tulisan Jawi, dia boleh dianggap telah hilang salah satu identiti bangsa Melayunya'. Menerusi pernyataan ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebanyak 6 orang responden bersamaan 10% yang tidak setuju dengan pernyataan ini. Perkara ini menunjukkan bahawa pernyataan ini mempunyai kekerapan yang paling tinggi bagi respon tidak setuju daripada responden. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa pernyataan ini kurang mendapat perhatian yang positif daripada responden.

### Bahagian C

**Jadual 13** Statistik Deskriptif bagi Bahagian C

	Mean	Std. Deviation	N
C1 Pihak berkuasa seperti agensi kerajaan mestilah mengambil Langkah dalam memelihara tulisan Jawi sebagai salah satu warisan bangsa Melayu.	4.78	.582	50
C2 Penggunaan tulisan Jawi di media haruslah diperbanyakkan agar masyarakat	4.62	.855	50

	Mean	Std. Deviation	N
terdedah akan kepentingan memelihara tulisan Jawi.			
C3 Saya berpendapat bahawa bahan bacaan yang banyak di pasaran mengenai tulisan Jawi mampu membantu masyarakat menggunakan tulisan Jawi.	4.44	1.013	50
C4 Program secara dalam talian merupakan antara langkah yang boleh membantu masyarakat dalam memelihara tulisan Jawi.	4.38	.987	50
C5 Pendidikan tulisan Jawi hendaklah dibuka kepada semua bangsa dan agama pelajar agar dapat bersifat lebih secepat dan universal.	4.58	.731	50
C6 Pembelajaran berkaitan tulisan Jawi mestilah disamaratakan dengan pembelajaran tulisan Rumi.	4.34	.939	50
C7 Kementerian Pelajaran perlu menyediakan pelan jangka panjang yang lengkap berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan di Malaysia.	4.68	.587	50
C8 Mata pelajaran Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat pembelajaran seperti peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, supaya pembelajaran Jawi lebih komprehensif.	4.40	.990	50
C9 Semua lapisan masyarakat mestilah bersama-sama mempromosikan tulisan Jawi di media sosial agar masyarakat cakra akan tulisan Jawi.	4.58	.702	50
C10 Pelbagai program berkaitan tulisan Jawi perlu diadakan di semua IPTA agar generasi muda tidak alpa akan kepentingan pemeliharaan tulisan Jawi.	4.54	.788	50

Jadual 13 menunjukkan statistik deskriptif bagi bahagian C. Menerusi Jadual 13 di atas, jelas menunjukkan bahawa skor min yang tertinggi dicatatkan sebanyak 4.78 menerusi pernyataan 'Pihak berkuasa seperti agensi kerajaan mestilah mengambil Langkah dalam memelihara tulisan Jawi sebagai salah satu warisan bangsa Melayu'. Hal ini boleh dibuktikan melalui Mohd Amin, Abdul Rahman, Razali, & Abdul Wahab (2018) yang turut mempunyai soalan yang sama menunjukkan sejumlah 61% responden yang bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Bagi skor min yang paling rendah pula dicatatkan sebanyak 4.34 menerusi pernyataan. 'Pembelajaran berkaitan tulisan Jawi mestilah disamaratakan dengan pembelajaran tulisan Rumi'. Menerusi pernyataan ini, pengkaji telah mendapati bahawa rata-rata responden temubual berpendapat bahawa tulisan Jawi dan tulisan Rumi masing-masing mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Oleh itu, pembelajaran terhadap dua bahasa ini tidak perlu disamaratakan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, menerusi hasil dapatan yang diperolehi dapat disimpulkan bahawa golongan muda pada hari ini masih cakra akan keperluan dalam menjaga warisan tulisan Jawi. Hal ini kerana,

majoriti responden memberi pandangan yang positif bahawa pelbagai langkah dari pelbagai pihak perlu memberi peranan untuk memelihara tulisan Jawi. Oleh itu, hasil kajian jelas menunjukkan bahawa tulisan Jawi masih diperlukan dan dialu-alukan oleh generasi muda khususnya buat pelajar Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, kampus Pagoh.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pelajar Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh yang terlibat atas kerjasama yang diberikan. Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Nur Hidayah Takmad atas usaha dan kerjasama yang diberikan semasa menghasilkan dan menyiapkan artikel ini.

## RUJUKAN

- Abd. Hamid, S., Mohamad, A. M., dan Ahmad, A. (2016). Statistik penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(2), 50-63.
- Abdul Rahman, N. A., Mohd. Amin, N., dan Razali, W. N. (2017). Persepsi pelajar Melayu UNITEN berkaitan kemahiran menggunakan tulisan jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu dan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam. *Sains Insani*, 2(1), 42-47. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.49>.
- Ariffin, Z. (2017). Kriteria instrumen dalam suatu penelitian. *Journal THEOREMS (The Original Research of Mathematics)*, 2(1), 28-36.
- Fadlillah, M. (2018). Persepsi mahasiswa PG-paud Universitas Muhammadiyah Ponorogo terhadap Paud di Kabupaten Ponorogo. *Jurnal Obsesi :Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 2(1), 117. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v2i1.15>.
- Hamdzah, M. E., dan Surat, S. (2021). Pemupukan minat terhadap Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah, 23(2), 103-109.
- Hendriani, D. (2017). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Indonesia. *Jurnal Qolamuna*, 3(1).
- Hindratno, J., Meitiana, M., dan Manurung, Y. (2021). Pengaruh Barat, persepsi dan kepercayaan terhadap keputusan pembelian obat tradisional di UKM Pasar Kahayan Kota Palangka Raya. JEMBA. *Jurnal Ekonomi Pembangunan, Manajemen dan Bisnis, Akuntansi*, 1(1), 9-17. <https://doi.org/10.52300/jemba.v1i1.2487>.
- Ibrahim, R., Embong, R., Abdul Kadir, F. K., dan Hashim, H. A. (2019). Pemerksaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1), 29-37.
- Kharisma, A., I. (2020). Pengaruh penggunaan alat peraga Gatotkaca Terbang terhadap hasil belajar Matematik pada Siswa Kelas III Sekolah Dasar. *Jurnal JRPP*, 3(1), 16-23.
- Md. Yusof, N. F., Wan Abu Bakar, W. H., Misaridin, N. A. F., dan Abd Ghani, M. K. (2021). Penerimaan Jawi: Hubungan di antara faktor demografi dan Tahap Penerimaan Jawi. *Qawwam: The Leader's Writing*, 2(2).
- Mohd Amin, N., dan Abdul Rahman, N. A. (2019). Persepsi pelajar Melayu UNITEN terhadap pembelajaran tulisan Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia: Sejauh mana usaha-usaha meluaskan pembelajaran Jawi dapat dilaksanakan? *Sains Insani*, 4(1), 7-14. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.1.02>.

- Mohd Amin, N., Abdul Rahman, N. A., Razali, W. N., dan Abdul Wahab, M. F. (2018). Pemeliharaan tulisan Jawi dan penggunaan tulisan Jawi di Media: Kajian persepsi pelajar Melayu di UNITEN. *Sains Insani*, 3(2), 1-7. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no2.54>.
- Nahar, N., & Safar, J. (2017). Penguasaan pengetahuan kandungan (content knowledge): Pemangkin keterampilan Pedagogi Jawi berkesan abad ke-21). *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1).
- Nahar, N., Safar, J., Mohamed, A. K., Hehsan, A., Mohd. Nasir, B., dan Junaidi, J. (2018). Perkembangan tulisan Jawi dalam konteks pendidikan di Negeri Johor. *Jurnal Penyelidikan Pusat Islam Iskandar Johor*, 1.
- Nasution, L. M. (2017). Statistik deskriptif. *Jurnal Hikmah*, 14(1).
- Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin dan Wan Noorli Razali. (2017). *Sains Insani*, 2(1), 42-47.
- Noor Azemy, M. N., dan Mohamad Rasit, R. (2019). Pendekatan street dakwah kepada bukan Islam dalam kalangan pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang. *Al-Hikmah*, 11(1), 60-73.
- Prasela, N., Witarsa, R., dan Ahmadi, D. (2020). Kajian literatur tentang hasil belajar kognitif menggunakan model pembelajaran langsung siswa sekolah dasar. *Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran*, 3(2), 209-216. <https://doi.org/10.31004/jrpp.v3i2.1218>.
- Yahaya, M., dan Adnan, W. H. (2021). Cabaran pelajar melalui kaedah pembelajaran atas talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 14(1), 11-20.
- Yusof, B., dan Sulaiman, E. (2015). *Sikap Generasi Muda Terhadap Tulisan Jawi: Kajian Kes Pelajar Universiti Brunei Darussalam*, 15(8).